

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD**

RUJUKAN : 9720

SOALAN:

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pas kerja (EP) dan lawatan profesional (PVP) yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen menerusi Pusat Khidmat Bakat Ekspatriat Malaysia (MYXpats Centre) sejak beroperasi pada 2015.

JAWAPAN:

Sejak beroperasi dari tahun 2015, sebanyak 94,840 permohonan telah diluluskan oleh Pusat Khidmat Bakat Ekspatriat (MYXpats Centre). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55,689 Pas Penggajian (EP) dan 39,151 Pas Lawatan Ikhtisas Kategori Pakar (PVP) telah diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD [SIPITANG]**

SOALAN : 20

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tiada cadangan untuk mengamalkan dasar "ruang udara terbuka" (open sky policy) untuk membolehkan lebih banyak syarikat penerbangan serantau ASEAN mengadakan penerbangan terus ke Sabah dan Sarawak, memandangkan kedua-dua negeri itu tidak mempunyai banyak penerbangan terus ke bandar-bandar utama ASEAN selain daripada ibu kotanya sahaja.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman, *ASEAN Open Skies Policy* atau Polisi Langit Terbuka ASEAN adalah merupakan satu aturan yang membolehkan syarikat penerbangan negara-negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan ataupun jenis pesawat di antara mana-mana destinasi di negara-negara ASEAN termasuk ke Sabah dan Sarawak.

Melalui aturan ini, syarikat-syarikat penerbangan diberikan kebebasan untuk merancang dan menentukan jaringan penerbangan. Dalam hubungan ini, kesemua negara ASEAN termasuk Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan polisi langit terbuka secara berperingkat bermula 2010. Sehingga kini, kesemua negara ASEAN telah menandatangani dan meratifikasikan ketiga-tiga perjanjian dan protokol perlaksanaannya.

Tiga (3) perjanjian dan protokol-protokol pelaksanaan tersebut adalah:

- (i) *ASEAN Multilateral Agreement on The Full Liberalisation of Air Freight Services* dan Protokol 1 hingga 2 bagi perkhidmatan kargo udara;
- (ii) *ASEAN Multilateral Agreement on Air Services* dan Protokol 1 hingga 6 bagi perkhidmatan penumpang; dan

- (iii) *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Air Services* Protokol 1 hingga 2 bagi perkhidmatan penumpang.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi maksud rancangan untuk mewujudkan atau meningkatkan kekerapan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara terutama negara-negara ASEAN ke Sabah dan Sarawak, ianya adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke Malaysia khususnya Sabah dan Sarawak .